

Tarian Zikir: Kesenian Atau Ibadat

NURUL ALIEYA BINTI ZAKARIA¹, DR.NORZIRA SALLEH²

ABSTRACT

In the context of fulfilling basic human needs, men create cultural arts that embody beauty aspects. In Islam, God Himself loves beauty, same goes to human who needs beauty for happiness and pleasures in life. Meanwhile, worship is one of ways a person uses to express gratitude to Allah SWT. In worship, there are also mediums or methods required to communicate with Allah SWT. This has been practiced in the Western civilization whereby every development of an act of worship aiming to praise and glorify God, is done through dance. In general, the society views the issue of dance in relation to art activities. Then, Sufis in Tariqa in particular, emphasize certain practices of worship such as remembrance of Allah SWT. This has become a debatable issue in the world of Islamic civilization in which dance as a branch of art activities is claimed to have ruined the beauty of arts itself. Such an art no longer aims to educate but instead has turned into a distracting and intoxicating entertainment. This branch of art is also argued to have damaged Muslims' Ibadah practice and attitudes as well as Islamic values. The dance that is used as a dhikr method actually leads the Muslim community to confusion about whether it is an art manifesting foreign culture or the Muslims' worship. Therefore, this article aims to identify whether the dhikr dance practiced in foreign culture which has slipped into the mind of Muslims is a permissible aspect of art or worship. This study used qualitative methods by adopting content analysis research design and descriptive analysis. The finding of this study revealed that dhikr dance is an artistic activity originating from external culture which has been practiced as an act of worship in order to achieve spiritual meanings leading towards the path that draws oneself closer to Allah SWT and where His presence is felt too.

Keywords: Dance, Dhikr, Art, Worship.

Pengenalan

Hakikat perjalanan hidup manusia sebenarnya banyak masalah yang ditempuhi mereka sehingga mendatangkan kesan kepada gangguan perasaan seperti berasa gelisah, cemas, tertekan dan sebagainya. Ini kerana jiwa mereka telah kosong dan mati tanpa cahaya zikir kepada Allah s.w.t. Maka, mereka perlu ada tujuan dan matlamat hidup, sebagaimana Islam menyeru manusia supaya beribadah kepadaNya dan menjalani kehidupan berlandaskan Islam serta menjaga hubungan dengan Maha Pencipta dan sesama manusia. Oleh yang demikian, untuk menjalin hubungan erat dengan Allah s.w.t, amalan zikir dititikberatkan dan disyariatkan di dalam Islam. Namun, bagi ahli dalam sesebuah tarekat pula menjadikan amalan tersebut sebagai dasar utama ajarannya yang lebih kepada untuk mencapai kehidupan kerohanian. Oleh itu, untuk menjalani kehidupan kerohanian tersebut, mereka menambahkan metode zikir dengan menggunakan seni tarian. Tarian inilah merupakan cabang kepada aktiviti kesenian yang dicetuskan oleh manusia dan salah satu hasil kreatif mereka untuk mengungkapkan keindahan daripada apa yang didengar, dilihat dan dan terkesan di dalam hati. Justeru itu, kaedah ibadat sebenilah yang menyebabkan umat

¹ Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: alieya_z@yahoo.com

² Pensyarah Kanan (Ph.D), Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: aziera@ukm.edu.my

Islam menjadi keliru sehingga menimbulkan pelbagai perselisihan dan pendapat sama ada ia adalah sekadar aktiviti kesenian atau amalan ibadat yang dibenarkan syarak.

Definisi Tarian Zikir

Tarian merupakan salah satu daripada aktiviti kesenian dan kebudayaan. Secara umumnya, tarian mempunyai pelbagai bentuk seperti tarian *tango*, *twist*, *breakdance* mahupun tarian berputar yang dijalankan oleh seseorang tarekat. Tarian-tarian tersebut mengandungi beberapa gerakan yang dapat mengungkapkan keindahan. Kemudian, keindahan yang ada pada tarian itu telah menjadikan ia sebagai hiburan yang menyenangkan kehidupan seseorang. Maka, tarian dapat didefinisikan sebagai suatu gerakan yang indah dan berirama sama ada sebahagian atau seluruh anggota badan yang terdiri daripada seseorang individu atau berkelompok disertakan pula dengan sesuatu ungkapan atau idea tertentu. Oleh itu, medium utama tarian adalah gerakan dan ia ada hubung kait dengan aktiviti kesenian yang dapat menyampaikan makna dan pesanan tertentu supaya ia memberi manfaat kepada sesama manusia (Sedyawati, 1986).

Seterusnya, makna zikir daripada segi literal berasal daripada perkataan Arab *ذَكَرَ يَذْكُرُ ذِكْرًا* dan jamaknya (plural) adalah *ذَكَرُوا وَذَكَارًا* telah membawa maksud mengingati sesuatu atau menyebut nama Allah s.w.t setelah terlupa atau bermunajat kepadaNya (Al-'Arabiyah M. A.-L., 2004). Manakala, zikir daripada segi terminologi pula adalah mengingati dan menyebut kalimah *toyyibah*, *asma'ul husna*, *istighfar*, *tasbih*, *tahmid*, *tahlil*, selawat serta bacaan doa munajat yang lain dengan niat untuk mendapat keredaan Allah s.w.t. Oleh itu, zikir dijadikan wasilah untuk menjalinkan hubungan dengan Allah s.w.t (Bahron, 2014).

Kemudian, apabila digabungkan kedua-dua makna tersebut ia dipanggil tarian zikir kerana ia menggunakan zikir untuk membangkitkan hati dalam pertemuan dengan Tuhan. Meskipun pada hakikatnya metode zikir tersebut banyak dimainkan oleh tarekat-tarekat sufi yang lain, namun tarekat *Maulawiyah* jua yang telah menjadikannya sebagai ciri khusus dan tersendiri. Tarian di dalam tarekat tersebut telah menjadi terkenal di dunia Barat dan dikenali sebagai para darwish yang berputar (*the whirling derwishes*) (Glasse, 1996).

Tarian Zikir Sebagai Aktiviti Kesenian

Perkataan seni atau *art* berasal daripada perkataan Latin iaitu *arts* yang bermaksud kemampuan dan keupayaan menghasilkan sesuatu yang boleh merangsang kepada penghasilan bentuk visual. Seni atau *art* daripada segi makna literal ialah halus, indah dan permai. Manakala daripada segi istilah pula, ia adalah segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati dan perasaan manusia (Read, 1968).

Dalam hubungannya dengan agama, seni perlu mencapai makna spiritual iaitu cinta akan keindahan (Khan, 1999). Maka, seni adalah perasaan dalam menikmati keindahan makhluk ciptaan Allah s.w.t untuk direnungkan dan diperhatikan (Al-Qardawi, 2004). Malah, hakikat keindahan itu sendiri merupakan suatu kesedaran dan kebenaran dalam setiap penciptaanNya kerana Allah s.w.t menyuruh hambaNya supaya dapat menikmati segala yang baik dalam kehidupan di dunia (Ibrahim, 2015). Kesenian juga perlu memberi manfaat dan menyenangkan orang lain kerana yang indah itu adalah suatu yang menyenangkan dan bermanfaat serta boleh membawa seseorang dapat merasa kenikmatan dan kepuasan (Hadi, 2000).

Seterusnya, kesenian dapat dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu seni gerak, seni suara dan seni rupa (Soedarsono, 1992). Namun, melalui artikel ini dibincangkan mengenai seni gerak yang ada di dalam tarian merupakan suatu bentuk gerakan daripada anggota badan manusia yang dapat mengungkapkan keindahan, berirama dan berjiwa harmoni (Kussudiardjo, 1981).

Oleh yang demikian, bagi pencinta kesenian sufi, nama tarekat yang terkenal di Turki iaitu tarekat *Maulawiyah* telah mengembangkan metode kesenian tarian sebagai salah satu cara zikir mereka untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Inilah yang dikatakan bahawa tarian zikir merupakan kesenian daripada budaya luar seperti tarian di Turki tersebut. Malahan, terdapat pertunjukan aktiviti kesenian tersebut telah dijalankan di beberapa tempat di seluruh pelosok negeri bagi mengenang karya dan ajaran daripada pengasas tarekat itu sendiri iaitu Jalal al-Din

Rumi (An-Nadwi, 1955). Pada ketika itu, Jalal al-Din Rumi dikatakan sangat merindui guru spiritualnya iaitu Syams al-Din Tabriz yang telah hilang sehingga beliau berjumpa dengan seorang tukang pembuat besi emas iaitu Salahuddin Zarkub dan tukang tersebut telah menghasilkan suatu bunyi yang indah menyebabkan Rumi tertarik untuk menari (Jamnia, 2003). Maka, bagi mengubat kerinduannya tersebut Rumi menari secara berputar-putar (Chittick, 2002). Semakin lama beliau menari, beliau dapat merasakan suatu perasaan cinta yang mendalam terhadap Tuhan sehingga mabuk dalam cintaNya (Mulyati, 2004). Oleh itu, tarian zikir telah menjadi suatu inspirasi yang ditinggalkan oleh beliau sebagai amalan tradisi, sejarah, kepercayaan dan budaya Turki itu sendiri.

Tarian Zikir Dianggap Sebagai Amalan Ibadat

Selain tarian zikir dikatakan sebagai aktiviti seni daripada budaya luar seperti di Turki, ia juga dianggap sebagai amalan ibadat dalam tarekat *Maulawiyah*. Tarekat *Maulawiyah* merupakan sebuah tarekat kelahiran Turki yang telah menggunakan metode tarian sebagai sarana amalan ibadat zikir mereka terhadap Allah s.w.t (Glasse, 1996). Terdapat pelbagai istilah bagi menunjukkan makna kepada tarian zikir yang telah digunakan di dalam tarekat seperti *hadrah*, *al-ghina'*, *al-raqs*, *as-sama'* dan sebagainya. Tarian zikir yang telah menggunakan istilah *hadrah* inilah merupakan kesenian muzik Islam yang ditampilkan dengan iringan rebana sambil melantunkan syair-syair tentang puji-pujian terhadap Allah s.w.t dan Nabi Muhammad s.a.w (Ernst, 2003). Oleh yang demikian, *hadrah* harus melibatkan unsur-unsur seni sastera, tarian, muzik dan nyanyian yang disertakan dengan pukulan gendang. Lagu-lagunya pula berupa puji-pujian terhadap Allah s.w.t (Yousof, 1994).

Tambahan pula, setiap amalan ibadat di dalam tarekat mesti melibatkan zikir, wirid-wirid yang menggunakan muzik dan tarian suci ((Nasr, 2010). Melalui muzik dan tarian juga menjadi suatu keperluan dan ia penting kerana merupakan syarat bagi ahli dalam tarekat untuk melakukan ibadat-ibadat tertentu (Ozak, 2006). Salah satu alasan beberapa tarekat menggunakan muzik dan tarian adalah untuk meningkatkan tumpuan sepenuhnya terhadap Allah s.w.t. Oleh itu, tarian dijadikan salah satu metode penumpuan mereka kerana ia boleh menghantar mereka kepada *fana'* (Sholikhin, 2010).

Namun, di dalam tarekat *Maulawiyah*, mereka banyak menggunakan istilah tarian *as-sama'* sebagai merujuk kepada tarian zikir. Istilah *as-sama'* telah diumpamakan seperti mendengar suara burung murai atau bunyi yang terbit daripada pukulan gendang dan kompang (Al-Ghazali, T.th). *As-sama'* secara etimologi berasal daripada kata *sami'a* yang bermaksud mendengarkan. Apabila merujuk kepada sebutan bahasa Inggeris ianya membawa maksud *listening*, *hearing*, *audition* dan *audience* (Al-Ba'albaki, 2002). Dalam kitab *Mu'jam Wasit* pula memberi definisi tentang *as-sama'* merupakan sinonim kepada *al-ghina'* adalah nyanyian atau mendengar suara yang merdu (Al-'Arabiyah M. A.-L., 2011).

Kemudian, istilah *as-sama'* dibahaskan lagi oleh (As-Sarraj, 2002) yang mana beliau memetik kata-kata daripada Ahmad bin Abu al-Hawari mengenai *as-sama'* itu adalah mendengar qasidah-qasidah yang diiringi dengan lagu yang indah. Beliau memetik pula kata-kata daripada Abu Ya'qub an-Nahrajuri tentang *as-sama'* adalah suatu keadaan spiritual yang dapat membakar api cinta kepada Allah s.w.t. Manakala, pandangan daripada al-Junaid yang dipetik oleh beliau lagi telah menyatakan bahawa sesiapa yang mendengar *as-sama'* memerlukan tiga perkara iaitu waktu, tempat dan kawan. Al-Junaid menambah lagi bahawa terdapat tiga peluang ahli sufi perlu kecap melalui *as-sama'* iaitu pertama ketika *as-sama'*, mereka tidak mendengar kecuali tentang kebenaran dan mereka tidak akan berdiri kecuali rasa cinta terhadap Allah s.w.t. Kedua, ketika mencari ilmu pula mereka tidak akan bersuara kecuali dengan orang yang jujur dan merupakan kekasih Allah s.w.t, sedangkan perkara yang ketiga adalah ketika makan mereka tidak akan makan kecuali apabila mereka memerlukan sahaja. Maka, as-Sarraj menyambung lagi bahawa bagi ahli sufi, *as-sama'* adalah makanan rohani bagi ahli makrifat kerana ia bersifat lembut dan jernih yang lahir daripada hati.

Oleh itu, *as-sama'* atau *as-sima'* merupakan suatu bentuk latihan kerohanian yang diamalkan oleh ahli sufi bagi tujuan pemurniaan jiwa. Ia juga menjadi tunjang utama kepada

keimanan seseorang melalui mendengar atau melihat. Justeru itu, beliau telah menyimpulkan bahawa *as-sama'* atau *as-sima'* merupakan istilah tasawuf yang bermaksud mendengar syair-syair yang indah, puisi-puisi yang penuh simbolik dan mendendangkan qasidah dengan menyebut nama Allah s.w.t (Idris, 2007).

Di samping itu, *as-sama'* jelaslah lebih cenderung menggunakan syair, zikir, nyanyian dan sebagainya yang bersumber daripada Quran. Secara psikologi, perasaan dalaman yang dialami oleh ahli sufi sebenarnya lebih cenderung kepada memuji apa yang dicintai melalui lagu, syair dan sebagainya. Apabila mereka mendengar melodi cinta tersebut yang dapat meresap ke dalam lubuk hati mereka sehingga mencapai keadaan *ekstase (wajd)* yang memabukkan (Aziz, 2014).

Sementara itu, ahli sufi berkeyakinan bahawa tarian adalah sebuah ungkapan yang dapat menghantar mereka kepada sumber hakikat iaitu Sang Kekasih. Mereka menggunakan muzik dan tarian bukan sahaja untuk keseronokan semata-mata melainkan untuk memanjatkan doa kepada Tuhan (Kemal, 2010). Oleh itu, ahli sufi sekali lagi memandang maksud *as-sama'* ini sebagai sarana untuk mencapai hakikat Tuhan melalui hati rohani supaya ianya dapat diresapi ke dalam hati mereka (Al-Hujwiri, 1992). Menari juga adalah suatu tindak balas jiwa atau gerakan tubuh badan manusia yang disertakan dengan unsur muzik. Untuk menjalani kehidupan spiritual, mereka perlu melakukan aktiviti menari tersebut. Mereka juga dikategorikan sebagai orang-orang yang sangat menghayati dan menikmati muzik yang sebenar-benarnya kerana jiwa dan roh mereka telah menjadi peka kepada apa yang didengari (Kemal, 2010).

Justeru, jelaslah tarian di dalam tarekat khususnya tarekat *Maulawiyah* merupakan tarian yang dimainkan bersama dengan alunan muzik, syair-syair indah, qasidah, bacaan Quran dan selawat Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu, ahli tarekat menjadikan tarian sebagai wasilah untuk mencapai kehidupan spiritual dan kerohanian melalui gerakan tubuh dan syair yang berupa puji-pujian terhadap Allah s.w.t. Ini merupakan tanda mereka mengingati Allah s.w.t sepanjang masa dan menjadi simbol tradisi dalam sesebuah tarekat.

Selain itu, tarian inilah dijadikan ciri utama dalam tarekat tersebut yang berbentuk spiritual. Maka, ianya juga dipanggil sebagai tarian spiritual. Terdapat banyak pengertian yang digunakan dalam memberikan maksud tarian spiritual tersebut. Makna tarian adalah gerakan tubuh badan yang mempunyai irama dan disertakan dengan muzik (Al-Baghdadi, 2005). Manakala, spiritual pula bererti suatu bentuk kejiwaan, rohani, batin, mental dan moral (Tim, 1988). Maka, apabila digabungkan istilah tarian spiritual tersebut telah membawa makna kepada sebuah gerakan badan yang berirama dan bersifat rohani. Berhubung dengan makna daripada segi terminologi pula telah dijelaskan oleh (Susanti, 2006) yang memetik kata Titus Burckhardt bahawa tarian spiritual adalah tarian ahli sufi dan merupakan salah satu bentuk amalan ibadat dalam tarekat yang dipanggil tarian zikir. Tarian spiritual ini juga merupakan suatu ungkapan daripada para penari darwish yang mempunyai keinginan untuk menyerahkan diri kepada Allah s.w.t. Ini kerana, setiap gerakan dalam tarian tersebut telah menjadi jalan yang dapat menghantar para penari darwish kepada Allah s.w.t (Nasr, 2002).

Selain tarian spiritual, ia juga digelar sebagai tarian mistik atau tarian syurgawi kerana dipercayai merupakan tangga menuju syurga serta tarian kematian dan kebangkitan semula (Schimmel, 2002) Kemudian, apabila tarian ini telah mencapai makna cinta, maka ia dipanggil sebagai tarian cinta yang mana ia dapat mengungkapkan perasaan cinta seorang makhluk kepada Tuhannya. Oleh itu, untuk mencapai kemuncak yang memabukkan haruslah ada perasaan mabuk cinta kepada Tuhan (Schimmel, 1993).

Meskipun tarian zikir di dalam tarekat tersebut dianggap sebagai amalan ibadat mereka, sebenarnya ia menyimpang mengikut pada pandangan ahli fekah sama ada amalan tersebut dibenarkan atau tidak telah menjadi ibadat yang mengelirukan masyarakat, namun bagi ahli sufi, mereka tetap dengan alasan bahawa ini merupakan cara mereka untuk membangkitkan zikir kepada Allah s.w.t di dalam hati (Chittick, 2002). Upacara yang dinamakan zikir inilah yang pada asalnya bertujuan untuk mengingati Allah s.w.t dan kemudian pada akhirnya mereka ingin mencapai tujuan *ekstase* sebenarnya iaitu suatu keadaan yang memabukkan (Arberry, 1985). Inilah yang dikatakan mereka telah bersikap *ghuluw* dalam beribadah iaitu mereka menjalankan aktiviti seni tarian zikir dengan melampaui batas. Sikap melampaui batas atau berlebih-lebih dalam beragama sangat dilarang oleh syariat Islam (Al-'Uthaimin, 1998). Oleh itu, apabila

melaksanakan sesuatu amalan ibadat dalam agama hendaklah bersandarkan kepada Quran dan Sunnah. Sekiranya, sesuatu amalan itu tidak pernah Rasul Allah s.a.w laksanakan, maka sebagai umatnya janganlah pandai menokok tambah (Taimiyyah, 1966). Justeru, seorang Muslim itu janganlah melampaui batas yang dikehendaki Allah s.w.t dan tidak melalaikan mahupun mengurangi batasan yang dikehendakiNya (Al-'Uthaimin, 1998).

Tambahan lagi, perkara *ghuluw* tersebut boleh menyebabkan berlakunya taklid kerana terlalu mengikut secara membabi buta adat daripada budaya luar yang menyelinap masuk ke dalam pemikiran umat Islam. Ini kerana mereka terlalu taksuf kepada syekh sehingga mereka bertaklid terhadap ajarannya (Abidin, 2005). Oleh itu, umat Islam telah bersepakat bahawa tidak wajib taat kepada seseorang sekalipun dalam segala sesuatu kecuali kepada Rasul Allah s.a.w ('Izz, 1985).

Seterusnya, apabila niat mereka berzikir untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dilihat baik pada pandangan tetapi boleh menjadi bidaah yang haram lagi menyesatkan daripada segi cara perlaksanaannya (Ali, 1980). Ini kerana, semua amalan yang dilakukan apabila tidak ada dalil sahih yang diperintahkan oleh Allah s.w.t, mahupun yang dicontohi oleh Nabi Muhammad s.a.w berserta para sahabat Baginda, ianya dipanggil bidaah yang direka-reka (Al-'Uthaimin, 2009).

Oleh itu, ahli sufi dalam tarekat yang telah menganggap tarian zikir ini merupakan amalan ibadat mereka kerana mereka sebenarnya ada bersandarkan kepada Quran dan Hadis. Namun, ia tidak diterangkan secara terang-terangan tarian zikir tersebut dibenarkan di dalam tarekat. Hakikatnya, berzikir boleh dilakukan dalam keadaan apa sekalipun seperti baring, duduk, berdiri, menggerakkan kepala dan sebagainya. Ia tidak menjadi masalah dan dibenarkan syarak sekiranya gerakan tersebut hanya sekadar gerakan ringan sahaja serta bukan gerakan yang memerlukan banyak gerakan sambil diiringi dengan alunan muzik yang boleh melalaikan (Al-Khadimi, 2011).

Kesimpulan

Berdasarkan apa yang telah di utarakan, demikianlah penjelasan secara terperinci tentang tarian zikir sama ada ianya suatu bentuk aktiviti kesenian atau amalan ibadat. Berhubung dengan apa yang telah dipaparkan secara terperinci dapatlah dirumuskan secara keseluruhannya, tarian adalah cabang kepada aktiviti kesenian dan menjadi salah satu medium untuk mencapai kehidupan spiritual dalam sesebuah tarekat. Ia dapat juga mengenal dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Hal ini kerana, tarian merupakan unsur sarana pengenalan terhadap Tuhan dan Tuhan sendiri dianggap sebagai sumber keindahan serta keindahan itu juga terdapat dalam hasil seni tarian itu sendiri. Melalui keindahan hasil sesuatu karya dapatlah melahirkan perasaan gembira, senang dan memuaskan jiwa seseorang apabila tarian tersebut menjadi bermanfaat. Oleh yang demikian, tarian zikir dalam tarekat *Maulwiyyah* telah dijadikan aktiviti kesenian yang dapat mengungkapkan keindahan tersebut melalui alunan muzik dan syair yang indah kerana disertakan dengan zikir puji-pujian terhadap Allah s.w.t dan Rasul Allah s.a.w. Tarian zikir inilah yang dianggap sebagai amalan ibadat dalam sesebuah tarekat. Muzik, tarian, syair, nyanyian dengan ibadat tidak dapat dipisahkan lagi oleh golongan para sufi tarekat. Ia menjadi sarana penting untuk mencapai tujuan yang sebenar dalam beribadat bagi mereka. Untuk mencapai tujuan tersebut, semua aktiviti kesenian tersebut haruslah disatukan. Oleh itu, tarian zikir bagi golongan tersebut sekali lagi telah menonjolkan aspek kesenian dan kebudayaan sesuatu kaum atau bangsa. Ini kerana, tarian zikir telah mencerminkan budaya dan identiti masyarakat khususnya di dalam sesebuah tarekat serta dijadikan alat untuk berkomunikasi antara seorang hamba dengan Tuhannya. Walau bagaimanapun, tarian sebegini sebenarnya menyimpang daripada hukum syarak kerana ia dianggap suatu perbuatan yang melampaui batas, bidaah dan terlalu bertaklid buta. Sebaliknya sekiranya ia dilakukan dengan cara yang disyariatkan, maka ia dibenarkan.

Rujukan

- Abidin, M. (2005). *Ensiklopedi Minangkabau*. Padang: Pusat Pengajian Islam dan Minangkabau.
- Al-'Arabiyyah, M. a.-L. (2004). *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Misr: Maktabat al- Shuruq al-Dawliyah.
- Al-'Arabiyyah, M. a.-L. (2011). *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Misr: Maktabat al- Shuruq al-Dawliyah.
- Al-Ba'albaki, R. (2002). *al-Mawrid al-Mar'i: Inklizi, 'Arabi, Faransi, Isbani*. Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin.
- Al-Baghdadi, A. (2005). *Seni Dalam Islam Vokal, Muzik dan Tari*. Selangor: Synergymate Sdn.Bhd.
- Al-Ghazali, A. H. (T.th). *Ihya' Ulumuddin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Hujwiri, 'I. (1992). *Kasyful Mahjub: Risalah Persia Tertua Tentang Tasawuf*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Ali, A. &. (1980). *Al-Bid'a Tahdiduha wa Mauqif al-'Islam Minha*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Khadimi, A. S. (2011). *Al-Bariqah al-Mahmudiyah fi Syarh al-Tariqah al-Muhammadiyah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-Qardawi, Y. (2004). *Fiqh al-Ghina' wal-Musiqi Fi Dhau' al-Qur'an wa as-Sunnah*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-'Uthaimin, M. S. (1998). *Majmu' Fatawa wa Rasa'il Fadilah al-Syeikh Mohd Soleh 'Uthaimin*. Riyadh: Dar al-Thariya lil Nashr.
- Al-'Uthaimin, M. S. (2009). *Manzumah Usul al-Fiqh wa Qawa'iduhu*. Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.
- An-Nadwi, A. H. (1955). *Saviours of Islamic Spirit*. Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications.
- Arberry, A. J. (1985). *Pasang Surut Aliran Tasawuf*. Bandung: Penerbit Mizan.
- As-Sarraj, A. N. (2002). *Al-Luma': Rujukan Lengkap Ilmu Tasawuf*. Surabaya: Risalah Gusti.
- Aziz, A. (2014). *Tasawuf dan Seni Muzik: Studi Pemikiran Abu Hamid al-Ghazali Tentang Muzik Spiritual*. *Jurnal Tajdid* 13(1): 57-86 . Retrieved Januari-Jun 2014, from portalgaruda: <http://download.portalgaruda.org/article.php?article=401835&val=6804&title=TASAWUF%20DAN%20SENI%20MUSIK>
- Bahron, B. A. (2014). *Syarah Zikir Munajat: Taman-taman Syurga di Dunia Kehidupan Insan*. Sungai Buloh: Kemilau Publika.
- Chittick, W. C. (2002). *Tasawuf di Mata Kaum Sufi*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Ernst, C. W. (2003). *Ajaran dan Amaliah Tasawuf*. Jogjakarta: Pustaka Sufi.
- Glasse, C. (1996). *Ensiklopedi Islam Ringkas*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Hadi, S. (2000). *Seni Dalam Ritual Agama*. Jogjakarta: Yayasan Untuk Indonesia.
- Ibrahim, S. M. (2015). *Seni Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Green Dome Publications Sdn.Bhd.
- Idris, A. b. (2007). *Tarian, Nyanyian & al-Sima' Dalam Tariqat Tasawuf*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- 'Izz, ' b. (1985). *Al-'Itba'*. Al-Qahirah: Dar al-Salafiyah.
- Jamnia, M. B. (2003). *Para Sufi Agung: Kisah dan Legenda*. Jogjakarta: Pustaka Sufi.
- Kemal, A. (2010). *Dimensi Muzik Dalam Islam Pemikiran Hazrat Inayat Khan. Tesis. Dr. Fakultas Ushuluddin dan Filsafat*. Retrieved Mac 21 , 2011, from UIN Syarif Hidayatullah: <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/5464/1/ALI%20KEMAL-FUH.pdf>
- Khan, H. I. (1999). *The Heart of Sufism: Essential Writings of Hazrat Inayat Khan*. Boston & London: Shambhala.
- Kussudiardjo, B. (1981). *Tentang Tari*. Jogjakarta: Nur Cahaya.
- Mulyati, S. (2004). *Mengenal dan Memahami Tarekat-Tarekat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta: Prenada Media.
- Nasr, S. H. (2002). *Ensiklopedi Tematis Spiritualitas Islam Manifestasi*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Nasr, S. H. (2010). *The Garden of Truth*. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Ozak, M. (2006). *Dekap Aku Dalam Kasih Sayangmu: Jalan Cinta Pendamba Reda Allah*. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Read, H. E. (1968). *The Meaning of Art*. London: Faber and Faber Limited.
- Schimmel, A. (1993). *Akulah Angin Engkaulah Api: Hidup dan Karya Jalaluddin Rumi*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Schimmel, A. (2002). *Dunia Rumi: Hidup dan Karya Penyair Besar Sufi*. Yogyakarta: Penerbit Pustaka Sufi.

- Sedyawati, E. (1986). *Pengetahuan Elementer Tari dan Beberapa Masalah Tari*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Sholikhin, M. (2010). *Menyatu Diri Dengan Ilahi: Makrifat Ruhani Syaikh 'Abd al-Qadir al-Jailani*. Jakarta: Penerbit Narasi.
- Soedarsono. (1992). *Pengantar Apresiasi Seni*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Susanti, I. M. (2006). *Tarian Spiritual: Studi Analisis Tarekat Mawlawiyyah*. Tesis. Dr. Fakultas Ushuluddin. Retrieved Februari 25 , 2006, from IAIN Walisongo: http://Library.walisongo.ac.id/digilib/files/disk1/16/jtptiain-gdl-s1-2006-isnaenymil-771-Bab2_410-0.pdf
- Taimiyyah, A. b. (1966). *Majmu' Fatawa*. Riyadh: Maktabi' Riyadh.
- Tim, P. K. (1988). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Yusof, G. S. (1994). *Dictionary of Traditional South East Asian Theatren*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.